

## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membentangkan rumusan daripada analisis dapatan kajian untuk menjawab persoalan-persoalan kajian dan mengusulkan cadangan-cadangan untuk kajian akan datang.

#### 5.2 RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan pelajar ada melakukan ibadah khusus harian. Bagaimanapun tahap penghayatan ibadah tersebut masih kurang memuaskan. Kebanyakan pelajar tidak melaksanakan ibadah khusus yang wajib dengan sempurna. Contohnya menunaikan solat fardu tetapi tidak cukup lima waktu dalam sehari. Begitu juga dalam bulan Ramadan masih terdapat pelajar yang mengaku tidak menyempurnakan ibadah puasa sebulan penuh. Penghayatan pelajar dalam ibadah khusus yang sunat juga kurang memuaskan. Dapatan menunjukkan bagi ibadat sunat harian ini kebanyakan pelajar jarang-jarang melakukannya.

Kajian membuktikan sikap pelajar yang tidak menghayati ibadah dengan sempurna ini mempunyai kaitan kuat dengan pengaruh ibu bapa. Ini kerana dapatan kajian menunjukkan pelajar mengakui peranan dan sikap ibu bapa sangat

mempengaruhi penghayatan mereka dalam ibadah. Pelajar juga menjadikan ibu bapa mereka sebagai *role model*. Oleh itu sekiranya anak-anak tidak melihat contoh yang baik daripada ibu bapa atau mendapati ibu bapa mereka tidak prihatin sama ada mereka melakukan ibadah atau tidak maka anak-anak ini lama kelamaan akan hilang keinginan untuk beribadah malah tidak mustahil ada yang terus meninggalkan ibadah.

Dapatan kajian menunjukkan faktor utama responden tidak menghayati ibadah adalah disebabkan malas. Penyelidik berpendapat sifat malas ini adalah berpunca dari tiada atau kurangnya pemantauan dan contoh yang baik daripada ibu bapa sendiri. Anak-anak yang masih remaja ini sememangnya memerlukan bimbingan, perhatian dan sedikit tekanan daripada orang yang lebih dewasa kerana fitrah remaja yang belum memiliki jiwa yang mantap serta mudah mengikut hawa nafsu ke arah perkara yang melalaikan. Sebagai contoh kajian menunjukkan solat Subuh merupakan solat yang sering diabaikan oleh pelajar diikuti dengan solat Isyak, sedangkan pada kebiasaannya dalam kedua-dua waktu tersebut, seharusnya anak-anak tersebut berada di rumah atau di bawah pengawasan ibu bapa. Oleh itu sekiranya ibu bapa sentiasa prihatin dan membuat pemantauan serta memberi contoh teladan, sudah tentu anak-anak ini tidak akan mengabaikan kedua-dua solat tersebut.

Dapatan kajian mendapati kedua-dua responden lelaki dan perempuan mengakui ibu bapa mereka, guru Pendidikan Islam di sekolah, diri mereka sendiri, program keagamaan yang dianjurkan oleh pihak sekolah, persekitaran dan rakan ada memberi pengaruh untuk mereka menghayati ibadah. Bagaimanapun terdapat perbezaan tahap pengaruh rakan dalam menghayati ibadah antara responden lelaki

dan perempuan. Bagi responden lelaki, mereka mengakui rakan kurang mempengaruhi berbanding responden perempuan yang mengakui tahap pengaruh rakan agak tinggi.

Dapatan kajian juga mendapati tidak ada perbezaan dari segi tahap penghayatan ibadah antara responden lelaki dan responden perempuan, begitu juga penghayatan dalam ibadah tidak dipengaruhi dengan sama ada pelajar itu berminat dalam mata pelajaran agama atau tidak. Perbezaan dalam sosio ekonomi juga tidak mempengaruhi pelajar dari segi penghayatan ibadah. Bagaimanapun dapatan kajian menunjukkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam ada mempengaruhi penghayatan dalam ibadah di mana pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang didapati lebih komited melaksanakan tanggungjawab dalam beribadah berbanding rakan mereka yang pencapaian kurang atau tidak cemerlang.

Dapatan kajian juga menunjukkan latar belakang ibu bapa responden yang sibuk bekerja menjadi antara faktor ibu bapa tidak mempunyai banyak masa luang untuk bersama atau memantau anak-anak, apatah lagi untuk menjadi *role model* kepada anak-anak. Walaupun dapatan kajian menunjukkan majoriti ibu responden merupakan suri rumah, yang pada tanggapan umum mereka mempunyai banyak masa untuk mengurus dan memantau anak-anak, namun hakikatnya kehidupan di bandar besar yang serba serbi memerlukan wang mendorong kebanyakan mereka mempunyai kerja sambilan sama ada untuk memenuhi masa yang terluang atau memang ingin menambah pendapatan seperti terlibat dengan perniagaan jualan

langsung atau sekurang-kurangnya mengasuh anak orang yang menjadikan jadual seharian mereka begitu sibuk sehingga tidak berkesempatan untuk memantau aktiviti anak-anak sama ada telah melaksanakan kewajipan kepada Allah atau pun tidak.

Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar memahami dan mengakui penghayatan kepada ibadah mampu mendidik individu ke arah kebaikan rohani dan jasmani dan seterusnya melahirkan individu yang berketerampilan menepati kehendak syarak.

Berdasarkan semua dapatan ini, menunjukkan para pelajar boleh dibimbing ke arah penghayatan ibadah yang lebih mantap. Ini kerana pelajar sememangnya mempunyai kefahaman tentang tanggungjawab melaksanakan ibadah. Oleh itu bimbingan dan pemantauan yang berterusan daripada golongan yang paling hampir dengan pelajar dapat membantu melahirkan golongan pelajar yang menghayati ibadah dalam kehidupan seharian.

### 5.3 CADANGAN HASIL DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mendapati tahap penghayatan ibadah khusus harian dalam kalangan pelajar belum berada pada tahap memuaskan. Oleh itu langkah tertentu perlu diambil oleh pihak-pihak berkenaan khususnya yang terlibat secara langsung dengan golongan remaja atau pelajar ini. Berikut dikemukakan beberapa cadangan:

5.3.1 Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia.

- i. Mengadakan kursus, bengkel atau seminar kepada guru-guru Pendidikan Islam (GPI) untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program dakwah di sekolah-sekolah.
- ii. Membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program dakwah yang dijalankan di sekolah-sekolah.
- iii. Memberi penghargaan di peringkat kebangsaan kepada sekolah yang berjaya mewujudkan suasana keagamaan yang berkesan di sekolah berdasarkan pemantauan yang dibuat.
- iv. Menghasilkan modul-modul program dakwah yang praktikal dan fleksibel yang dapat dilaksanakan di sekolah-sekolah dengan mengambil kira faktor-faktor dalaman sesebuah sekolah.
- v. Mengkaji semula pelaksanaan ujian PAFA, waktu amali dan dua waktu tambahan untuk mengetahui tahap keberkesannya.

5.3.2 Sektor Pendidikan Islam dan Moral (SPIM), Jabatan pelajaran Negeri dan Pejabat pelajaran Daerah.

- i. Sentiasa membuat pemantauan pelaksanaan program dakwah di sekolah.

- ii. Mencalonkan sekolah yang berjaya menjadi *role model* kepada sekolah lain dari segi keberkesanan mewujudkan iklim *dini* di sekolah.
- iii. Mengadakan bengkel tertentu untuk membantu GPI merancang dan mengelolakan program dakwah secara berkesan di sekolah masing-masing dengan mengambil kira modul-modul yang dibina oleh JAPIM.
- iv. Membuat pemantauan pelaksanaan ujian PAFA, waktu amali dan dua waktu tambahan agar pelaksanaan dapat menepati objektif yang hendak dicapai.
- v. Memantau pelaksanaan dan keberkesanan kajian tindakan oleh Panitia Pendidikan Islam di sesebuah sekolah agar kajian tersebut mampu menghasilkan keberkesanan khususnya dalam membentuk kemenjadian murid di sekolah.

### 5.3.3 Pengurusan Sekolah.

- i. Memberi ruang yang sewajarnya kepada Panitia Pendidikan Islam atau Guru Pendidikan Islam untuk menjalankan program dakwah di sekolah.
- ii. Menggembleng tenaga seluruh warga sekolah untuk mewujudkan iklim *dini* di sekolah.
- iii. Membudayakan iklim *dini* di sekolah kerana pembudayaan suasana keagamaan di sekolah merupakan cara terbaik untuk

pembersihan rohani dan pembentukan lahiriah yang berkesan kepada para pelajar.

- iv. Bekerjasama dengan masyarakat setempat untuk menjalankan program dakwah seperti JKK Masjid dan JKK Kampung yang melibatkan penyertaan pelajar dan ibu bapa.

#### 5.3.4 Guru Pendidikan Islam.

- i. Mempelbagaikan program dakwah di sekolah dan tidak bersifat *stereotype*.
- ii. Menampilkan sahsiah diri yang baik supaya dapat menjadi *role model* kepada pelajar khususnya dan warga sekolah amnya.
- iii. Membuat penilaian terhadap program-program dakwah yang dijalankan untuk mengetahui tahap keberkesanannya dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan dapatan penilaian yang dibuat.
- iv. Menghasilkan satu kajian tindakan dalam Panitia Pendidikan Islam yang mana hasil daripada kajian tersebut boleh digunapakai untuk meningkatkan keberkesanan dan kecemerlangan mata pelajaran Pendidikan Islam.

### 5.3.5 Ibu Bapa

- i. Menunjukkan contoh peribadi yang baik kepada anak-anak.
- ii. Perihatin dengan pendidikan agama anak-anak dan sentiasa memantau dari segi penghayatannya.
- iii. Mengawasi pergaulan anak-anak.
- iv. Menjalin hubungan yang baik dengan guru-guru untuk mengetahui perkembangan anak-anak.
- v. Menggalakkan anak-anak menyertai program-program dakwah anjuran sekolah atau NGO.
- vi. Mewujudkan iklim *dini* di rumah.
- vii. Meningkatkan ilmu berkaitan kemahiran keibubapaan mengikut acuan Islam yang meliputi tanggungjawab untuk memenuhi keperluan dunia dan akhirat anak-anak.

### 5.3.6 Pelajar-Pelajar Islam.

- i. Sentiasa berhati-hati dalam pergaulan.
- ii. Memahami dengan jelas bahawa belajar Pendidikan Islam bukan hanya untuk lulus peperiksaan tetapi untuk diamalkan dan seterusnya dihayati.
- iii. Berusaha meningkatkan ilmu agama.
- iv. Menyertai program-program dakwah yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau NGO Islam.



#### 5.4 CADANGAN –CADANGAN UNTUK KAJIAN AKAN DATANG.

- i. Kajian ini hanya dijalankan di kawasan bandar. Oleh itu penyelidik mencadangkan, untuk penyelidikan yang berkaitan pada masa akan datang mengkaji perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar untuk menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh.
- ii. Pengumpulan data utama kajian ini adalah menggunakan soal selidik. Dicadangkan untuk penyelidikan yang berkaitan pada masa akan datang, lebih menekankan penggunaan kaedah lain seperti pemerhatian dan temubual dengan responden secara khusus untuk mendapatkan data daripada sudut yang berbeza.

#### 5.5 PENUTUP

Penghayatan kepada ibadah amat penting ditekankan kepada anak-anak. Senario semasa menunjukkan penghayatan kepada ibadah semakin diabaikan dalam kalangan remaja. Malah terdapat pelajar yang menganggap pembelajaran agama secara formal di sekolah atau di institusi pendidikan hanya untuk memenuhi syarat memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Tidak dinafikan usaha-usaha tertentu telah diambil oleh pihak-pihak yang berkaitan untuk menekankan penghayatan beragama kepada anak-anak ini, contohnya dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Menengah (KBSR dan KBSM) mulai tahun 1983 dan 1989. Bagaimanapun usaha ke arah itu belum menampakkan hasil yang memuaskan.

Pengaruh globalisasi memberi impak besar kepada sikap dan sahsiah remaja Islam. Bagaimanapun menyalahkan pengaruh tertentu tanpa mengambil tindakan yang sewajarnya tidak dapat membantu menyelesaikan masalah. Oleh itu kesepaduan tenaga untuk mendekati anak-anak kepada kehidupan beragama amat perlu. Setiap pihak yang berkaitan perlu memainkan peranan masing-masing semaksimum mungkin. Pemantauan dan pembaikan seharusnya sentiasa dilakukan terhadap dasar atau langkah yang dijalankan untuk memastikan anak-anak pewaris umat ini sentiasa berada dilandasan yang betul. Usaha-usaha dakwah kepada golongan remaja ini perlu dipertingkatkan. Mereka perlu didedahkan dengan kesempurnaan dan keindahan Islam sebagai jalan kehidupan.

Hasrat melahirkan dan membangunkan modal insan yang memiliki jati diri muslim mungkin sukar untuk dicapai seandainya penghayatan pada agama diabaikan. Sehubungan itu, ibu bapa yang merupakan tunjang utama kepada institusi keluarga perlu memainkan peranan sebaik mungkin sebagai guru pertama kepada anak-anak. Ini kerana sekolah dan guru hanya mengambil alih tanggungjawab setelah anak-anak mempunyai pendidikan asas. Menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak sekolah atau guru merupakan tindakan yang kurang wajar. Oleh itu kesedaran daripada ibu bapa amat perlu kerana dapatan kajian menunjukkan responden menjadikan ibu bapa sebagai faktor utama yang mendorong untuk melakukan ibadah. Begitu juga dengan anggota masyarakat, mereka perlu berkerjasama dan berganding bahu mewujudkan dan menghidupkan suasana keagamaan dalam komuniti masing-masing agar pelajar atau remaja ini sentiasa dalam persekitaran yang mendekati mereka kepada kehidupan beragama.

Sehubungan itu penyelidik berharap dapatan daripada kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengenal pasti sejauh mana penghayatan golongan remaja masa kini di dalam ibadah khasnya dan agamanya. Semoga usaha-usaha untuk membawa golongan remaja kembali kepada kehidupan yang bertunjangkan kepada agama dapat dilaksanakan dengan kerjasama dan kesedaran semua pihak yang berkaitan.